KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN MATRIKULASI
MATRICULATION DIVISION
ARAS 6 & 7, BLOK E15, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8884 4083
Faks : 603-8884 4028
603-8888 6864
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.BM.S.500-4/7/2 Jld. 2(22)
Tarikh : 12 Mei 2022

Semua Ketua Bahagian/Jabatan
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG41 KE DG44, GRED DG44 KE DG48 DAN GRED DG48 KE DG52 TAHUN 2022 DI KOLEJ MATRIKULASI LABUAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan urusan pemangkuan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kolej Matrikulasi Labuan pada Tahun 2022 melibatkan gred jawatan seperti berikut:

2.1. Gred DG41 ke DG44;
2.2. Gred DG44 ke DG48; dan
2.3. Gred DG48 ke DG52.

3. Urusan pemangkuan ini adalah terbuka kepada semua PPP yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus pemangkuan yang ditetapkan seperti berikut:

3.1. Syarat Umum

3.1.1. Disahkan dalam perkhidmatan (urusan pemangkuan ke gred DG44 sahaja);
3.1.2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi tahunan (LNPT) tiga tahun terakhir;
3.1.3. Bebas daripada tindakan tatatertib dan mahkamah;
3.1.4. Telah mengisytiharkan harta;

..2/-

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01277
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01277

3.1.5. Lulus Tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
3.1.6. Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
3.1.7. Diperakukan oleh Ketua Jabatan

3.2. Syarat Khusus bagi PPP Gred DG41 ke Gred DG44

3.2.1. Telah berkhidmat minimum lima tahun pada gred semasa;
3.2.2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda/ Diploma Pendidikan dalam bidang/ mata pelajaran yang dimohon; dan
3.2.3. Mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran bagi bidang/ mata pelajaran yang dimohon tiga tahun berturut-turut.

3.3. Syarat Khusus bagi PPP Gred DG44 ke Gred DG48

3.3.1. Telah berkhidmat minimum lima tahun pada gred semasa;
3.3.2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda/ Diploma Pendidikan dalam bidang/ mata pelajaran yang dimohon; dan
3.3.3. Mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran bagi bidang/ mata pelajaran yang dimohon tiga tahun berturut-turut.

3.4. Syarat Khusus bagi PPP Gred DG48 ke Gred DG52

3.4.1. Telah berkhidmat minimum empat tahun pada gred semasa;
3.4.2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda/ Diploma Pendidikan dalam bidang/ mata pelajaran yang dimohon; dan
3.4.3. Mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran bagi bidang/ mata pelajaran yang dimohon tiga tahun berturut-turut.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk:

4.1. Menghebah dan memaklumkan urusan pemangkuan ini kepada semua pegawai yang layak di bawah penyeliaan masing-masing mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 3;
4.2. Menyemak serta memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat oleh calon;
4.3. Memastikan semua pemohon mengemukakan dokumen seperti yang disenaraikan di **Lampiran A**; dan
4.4. Mengemukakan senarai nama calon yang diperakukan mengikut format seperti di **Lampiran B/B1/B2** dengan menggunakan ***Microsoft Access*** dalam bentuk **salinan bercetak dan salinan digital**. Senarai nama calon hendaklah disusun mengikut kekananan.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan **sebelum atau pada 17 Jun 2022 (Jumaat)** kepada alamat seperti berikut:

Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Perkhidmatan, Saraan dan Perjawatan)

6. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan perakuan calon yang lengkap dan tepat berdasarkan rekod Buku Perkhidmatan Kerajaan yang terkini ke Bahagian ini pada tarikh yang ditetapkan. Kegagalan Ketua Jabatan untuk berbuat demikian akan menyebabkan perakuan tidak diproses dan sekali gus menjejaskan peluang calon untuk dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan tersebut. Perakuan yang lewat diterima atau tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan boleh merujuk kepada pegawai-pegawai berikut:

7.1	Haminah binti Hussin haminah.hussin@moe.gov.my	03-8884 4063
7.2	Norshahida binti Md Nayan shahida.nayan@moe.gov.my	03-8884 4066

8. Kerjasama dan tindakan awal pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HAJAH ROSNARIZAH ABDUL HALIM)
Pengarah

Nurzayani/Perkhidmatan/Pemangkuan_NP_KML_2022